



# Pembangunan Model Ikabu Magnetis ke atas Murid Disleksia Sekolah Rendah bagi pengajaran Bahasa Melayu

**Andriana Anchak<sup>1</sup>, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi<sup>1\*</sup>, Norazimah Zakaria<sup>2</sup>, Mohd Syaubari Othman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

\*Corresponding Author: [mazarul@fpm.upsi.edu.my](mailto:mazarul@fpm.upsi.edu.my)

**To Cite This Article:** Anchak, A., Mohamad Hanapi, M. H., Zakaria, N., & Othman, M. S. Pembangunan Model Ikabu Magnetis ke atas Murid Disleksia Sekolah Rendah bagi pengajaran Bahasa Melayu. *Fitness, Performance and Health Journal*, 2(2), 1–10. <https://doi.org/10.53797/fphj.v2i2.1.2023>

**Abstract.** Fokus utama kajian ini adalah membangunkan dan mengkaji keberkesanannya Model Ikabu Magnetis Ke Atas Murid Disleksia Sekolah Rendah Bagi Pengajaran Bahasa Melayu. Disleksia adalah sejenis masalah pembelajaran khusus yang kerap berlaku. Murid-murid disleksia mempunyai masalah menguasai tugas sekolah walaupun mereka telah berusaha bersungguh-sungguh. Mereka juga mempunyai keupayaan intelek yang normal dan telah mendapat rangsangan dan pembelajaran yang mencukupi. Kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid yang mengalami disleksia sukar membaca dengan betul dan lancar, seterusnya menjelaskan pencapaian mereka dalam Bahasa Melayu. Di samping itu, tahap pengetahuan guru yang mengajar dalam aliran perdana terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa sesetengah guru yang mengajar dalam aliran perdana mempunyai persepsi yang negatif terhadap murid berkeperluan khas yang ditempat di kelas aliran perdana sehingga memberi kesan terhadap keberhasilan murid. Jadi, ini merupakan model pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya dalam masalah disleksia. Kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang mengajar kanak-kanak dalam matapelajaran Bahasa Melayu dan juga murid-murid disleksia Tahun 1 hingga Tahun 3 di mana ia melibatkan tiga buah sekolah rendah yang mempunyai kelas Pendidikan Khas di sekitar daerah Muallim, Perak. Jadi, tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji reka bentuk dan pembangunan Model Integrasi IKaBu Magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu.

**Keywords:** Disleksia, Bahasa Melayu, Kanak-Kanak, Kemahiran

## 1. PENGENALAN

Murid-murid disleksia pada umumnya adalah murid-murid normal tetapi mempunyai masalah yang berpunca dari kecelaruan pada bahagian otaknya. Hal ini disebabkan ketidakupayaan yang teruk dalam membaca, melibatkan kesukaran dalam kefahaman dan perhubungan di antara bunyi-bunyi dan huruf-huruf. Ini dibuktikan oleh kajian menurut Mercer (1991); Azmi bin Abu Bakar (2012), disleksia ialah ketidakupayaan yang teruk dalam membaca, melibatkan kesukaran dalam kefahaman dan perhubungan antara bunyi-bunyi huruf.

Disleksia visual adalah menjurus kepada masalah yang dialami oleh kanak-kanak dalam penglihatan dan tidak dapat membezakan apa yang dilihat, membayangkan dan juga mengingatkannya. Disleksia auditori pula merupakan masalah kanak-kanak dalam menggunakan deria pendengaran di mana ia mengalami kesukaran membezakan dan mengenalpasti bunyi serta suku kata. Seterusnya, disleksia visual-auditori adalah disleksia pada tahap yang teruk kerana kedua-duanya (deria penglihatan & pendengaran) tidak dapat membantu mereka dalam memproses apa yang diajarkan semasa proses pembelajaran. Kerosakan pada otak ketika proses kelahiran juga salah satu pendorong kepada masalah dan gangguan kanak-kanak dalam proses pembelajaran (Anida Abu Bakar, 2008).

\*Corresponding author: [mazarul@fpm.upsi.edu.my](mailto:mazarul@fpm.upsi.edu.my)

<https://todoxpublisher.com/index.php/fphj/index> / All right reserved

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 2013) Bahagian 3, Pendidikan Khas ialah pendidikan bagi murid berkeperluan khas di suatu sekolah khas, atau di sekolah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI), pada peringkat pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah, atau pendidikan 2 lepas menengah. Akta tersebut juga menyatakan bahawa, murid berkeperluan khas (MBK) ialah murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli politik, ahli audiologi atau ahli psikologi, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan.

Seorang murid yang menghadapi masalah pembelajaran tidak mampu melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran dengan baik terutama dalam aspek kemahiran asas seperti membaca. Masalah tersebut berlaku apabila murid itu memiliki tahap kemampuan membaca yang lebih rendah daripada tahap jangkaan umur yang sepatutnya. Malah, kecelaruan ini dikatakan sebagai masalah disleksia yang dikategorikan sebagai verbal learning disabilities iaitu ketidakmampuan pembelajaran lisan. (Ahmad Yazid Yahya, Noor Aini Ahmad & Yoong Soo May, 2018). Bahasa merupakan satu cara yang penting untuk manusia berkomunikasi baik secara lisan mahupun tulisan bagi mencapai matlamat-matlamat tertentu dalam hidup, di samping memberi sumbangan yang dominan dalam perkembangan seseorang. Bagi sesetengah pihak, fungsi itu diungkapkan dalam satu bahasa sahaja yang merupakan bahasa pertama mereka. Manakala, bagi pihak yang lain, fungsi tersebut disokong oleh satu bahasa atau beberapa bahasa lain yang berperanan sebagai bahasa kedua atau bahasa asing (Indhumathy, 2013). Jadi, dalam konteks pendidikan, matlamat dalam pengajaran sesuatu bahasa adalah untuk melahirkan murid atau kanak-kanak yang berketrampilan dalam keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Kegagalan menguasai kemahiran membaca menyebabkan murid yang mengalami disleksia sukar membaca dengan betul dan lancar, seterusnya menjelaskan pencapaian mereka dalam Bahasa Melayu (Mazlinah, 2016).

Untuk mencapai matlamat ini, faktor peningkatan terhadap murid disleksia serta penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih inovatif ini adalah galakan yang telah dikenalpasti menjadi objektif utama pembangunan model IKaBu Magnetis yang ingin dibangunkan untuk memudahkan guru dan juga murid disleksia. Hal ini demikian kerana, kebanyakan guru yang mengajar kanak-kanak disleksia ini tidak banyak mempunyai pengetahuan dalam bidang disleksia. Jadi, tiada kaedah pembelajaran yang khas untuk kanak-kanak disleksia di sekolah terutamanya di dalam kelas aliran biasa (Nur Farhana, 2014). Disamping itu, tahap pengetahuan guru yang mengajar dalam aliran perdana terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa sesetengah guru yang mengajar dalam aliran perdana mempunyai persepsi yang negatif terhadap murid berkeperluan khas yang ditempat di kelas aliran perdana. Persepsi yang negatif boleh memberi kesan terhadap keberhasilan murid (Mohd Mokhtar dan Farhana Najib, 2019). Oleh itu, artikel ini akan membincangkan keperluan pembangunan model, reka bentuk model dan juga keberkesanannya menggunakan Model IKaBu Magnetis ini untuk murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu mengikut fasa-fasa berdasarkan Pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR) oleh Richey Klein, & Nelson (2004).

## 2. KAJIAN LITERATUR

### ***Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran)***

Di Malaysia, kerajaan kita telah menggubal kurikulum khas bagi kumpulan pelajar dalam kategori ketidakupayaan yang ringan, sederhana dan juga teruk melalui pelbagai tahap kefungsian daripada tinggi hingga rendah yang dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran). Ia digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan prinsip-prinsip pendekatan bersepada, perkembangan individu secara menyeluruh, peluang pendidikan dan kualiti pendidikan yang sama untuk semua dan pendidikan seumur hidup. KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) bersifat holistik, selaras dengan yang diharatkannya dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) telah dibina bertujuan supaya pembelajaran yang diperolehi di bilik darjah dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian pelajar. Selain itu, kurikulum ini juga telah menyediakan pendidikan berkualiti dan sehabis baik untuk murid bermasalah pembelajaran supaya mereka menjadi insan yang seimbang, berdikari, berinovatif dan dapat menjalankan kehidupan harian seperti orang biasa dengan lebih bermakna. Kelonggaran dan kebaikan dalam melaksanakan KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) memberi ruang kepada aktiviti untuk meningkatkan kemahiran berfikir, penggunaan teknologi dan penerapan nilai dalam memastikan pembangunan pelajar kurang upaya secara holistik.

### ***Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)***

Pentaksiran Bilik Darjah merupakan proses mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid yang dirancang, dilaksana dan dilapor oleh guru yang berkenaan. Proses ini berlaku berterusan bagi membolehkan guru menentukan tahap penguasaan murid (KPM 2017). Menurut Bahagian Pendidikan Khas (BPKHAS) Kementerian Pendidikan Malaysia (2019), Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Khas (DSKPPK) dan Domain Pendidikan Khas. Instrumen saringan Domain Pendidikan Khas masih boleh digunakan mengikut keperluan dalam menyediakan Rancangan Pendidikan Individu (RPI).

Terdapat enam Domain Pendidikan Khas iaitu:

- i.Domain kognitif
- ii.Domain Bahasa dan komunikasi
- iii.Domain tingkah laku
- iv.Domain sosioemosi
- v.Domain motor kasar
- vi.Domain motor halus

Menurut BPKHAS KPM (2019), objektif pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah seperti berikut:

- i. Mendapat gambaran tentang perkembangan dan kemajuan pembelajaran MBK.
- ii. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan MBK.
- iii. Memberi maklum balas tentang keberkesanan pengajaran guru.

PBD boleh dilaksanakan dalam semua mata pelajaran KSSRPK oleh guru secara formatif dan sumatif mengikut keupayaan dan keperluan MBK. Pentaksiran secara formatif dilaksanakan seiring proses PdPc, manakala pentaksiran secara sumatif dilaksanakan pada akhir sesuatu unit pembelajaran, penggal atau tahun. Guru perlulah merancang, membina item atau instrumen pentaksiran, mentadbir, memeriksa, merekod dan melapor tahap penguasaan yang diajar berdasarkan DSKPPK. Menurut DSKPPK KPM (2017), dalam usaha memastikan pentaksiran membantu meningkatkan keupayaan dan penguasaan murid, guru haruslah melaksanakan pentaksiran yang mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, lisan dan penulisan.
- ii. Menggunakan pelbagai strategi pentaksiran yang boleh dilaksanakan oleh guru dan murid.
- iii. Mengambil kira pelbagai aras pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari.
- iv. Membolehkan murid mempamerkan pelbagai keupayaan pembelajaran.
- v. Mentaksir tahap penguasaan murid berdasarkan Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.
- vi. Mengambil tindakan susulan bagi tujuan pemulihan dan pengukuhan.

#### ***Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)***

Kajian ini adalah merupakan kajian yang berasaskan pembangunan model di mana ia adalah merupakan kajian rekabentuk dan pembangunan (Design and Development Research). Pendekatan DDR ini merupakan pendekatan yang digunakan dalam pembinaan sesuatu kajian yang berkaitrapat dengan reka bentuk, pembangunan dan juga penilaian kebolehgunaan produk yang dihasilkan. Pendekatan ini secara asasnya dibentuk melalui fasa-fasa yang telah distrukturkan oleh Richey & Klein (2007).

- Fasa pertama  
Fasa analisis keperluan
- Fasa Kedua  
Fasa Rekabentuk dan Pembangunan
- Fasa Ketiga  
Fasa Penilaian (Pengujian dan kebolehgunaan)

Penggunaan pendekatan DDR ini boleh digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian yang melibatkan rekabentuk dan pembangunan seperti;

- Model
- Modul
- Borang soal selidik
- Kerangka
- Garis panduan
- Pelan

#### ***Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas: Pembinaan Bahan Bantu Mengajar***

Kajian ini telah dijalankan oleh Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid, dan Salinah Ja'afar pada tahun 2017 dimana perbincangan dalam kajian ini adalah tentang proses pembinaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersifat konkret khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan bantu mengajar yang dibina adalah terdiri daripada model istana dan kapal berasaskan cerita rakyat yang telah diolah semula isi kandungannya.

Di samping itu, kajian ini dijalankan disebabkan penggunaan papan tulis yang diintergrasikan dengan kaedah talk and chalk yang menyebabkan kanak-kanak terpaksa menggunakan imaginasi dengan lebih tinggi mereka untuk memahami apa yang telah diajarkan di dalam bilik darjah. Jadi, mereka berpendapat bahawa kaedah mengajar atau penggunaan BBM perlulah selaras dengan pembelajaran yang lebih berkesan seiring dengan pembelajaran abad ke-21 (Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid, dan Salinah Ja'afar, 2017).

### ***Teori Konstruktivisme***

Konstruktivisme membolehkan murid belajar sesuatu dengan cara membina sendiri pemahaman yang bermakna kepada diri mereka. Antara unsur penting dalam konstruktivisme adalah:

- a. Guru mengambil kira pengetahuan sedia ada murid.
- b. Pembelajaran adalah hasil usaha murid sendiri.
- c. Pembelajaran berlaku apabila murid menghubungkan idea asal dengan idea baru bagi menstrukturkan semula idea mereka.
- d. Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi idea dan pengalaman serta membuat refleksi.

Menurut Nuraziha dan Roslinda (2020), pendekatan konstruktivisme berdasarkan Teori Kognitif Piaget yang menekankan kepada keperluan murid membina pengetahuan secara aktif, tetapi bukan menyerap secara pasif yang disampaikan oleh guru (KPM, 2001). Konstruktivisme juga merupakan proses pembentukan pengetahuan murid secara individu hasil daripada aktiviti yang dilakukan. Ianya bukan sekadar maklumat yang diperolehi atau pengajaran yang diterima daripada guru. Ini bermakna setiap murid bertanggung jawab membentuk dan membina pengetahuan sendiri berdasarkan pengalaman yang dilaluinya.

Berdasarkan pandangan-pandangan tentang takrifan strategi pembelajaran melalui pendekatan konstruktivisme, dapat dirumuskan bahawa pembelajaran secara konstruktivisme adalah satu fahaman bahawa murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Implikasi daripada pendekatan konstruktivisme adalah PdPc dilaksanakan secara berpusatkan murid, guru berperanan sebagai fasilitator yang membantu murid membina pengetahuan dan menyelesaikan masalah, guru sebagai perekat bentuk bahan pengajaran yang menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baharu, guru mengenal pasti pengetahuan sedia ada murid dan merancang kaedah pengajarannya dengan sifat asas pengetahuan tersebut dan akhir sekali, pengetahuan yang dimiliki oleh murid adalah hasil daripada aktiviti yang dilakukan oleh murid tersebut dan bukan pengajaran yang diterima secara pasif (KPM, 2010).

Berdasarkan teori Piaget, kanak-kanak dilahirkan tanpa mempunyai keupayaan untuk memahami apa yang berada di sekeliling mereka sehingga mereka mencapai tahap umur yang tertentu dalam perkembangan kognitif mereka. Aplikasi teori Piaget yang berkaitrapat dengan kanak-kanak dalam masalah pembelajaran adalah seperti berikut;

- Mengenalpasti masa yang sesuai untuk melakukan sesuatu
- Melakukan aktiviti yang bersesuaian dengan tahap perkembangan
- Tidak harus memaksa selagi kanak-kanak belum bersedia
- Pembelajaran berdasarkan keadaan semula jadi
- Pengalaman pembelajaran yang positif dan menyeronokkan

Pengkaji menggunakan Teori Konstruktivisme ini kerana konsepnya mendasari pembelajaran kendiri dengan bantuan dari guru sebagai pembimbing atau fasilitator untuk membolehkan kanak-kanak disleksia belajar untuk berfikir dan mentafsirkan sesuatu yang telah diajarkan. Teori ini juga berupaya untuk memberikan informasi dan maklumat yang lengkap (Amani Dahaman, 2014).

Untuk mencapai matlamat kajian ini, kaedah pembelajaran yang digunakan dapat diklasifikasikan mengikut keperluan kanak-kanak disleksia agar pencapaian mereka selaras dengan kanak-kanak normal. Lantaran itu, guru juga dapat menyeimbangkan cara bagaimana untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa kanak-kanak disleksia berdasarkan pengajaran yang berlaku di dalam bilik darjah. Kajian ini dapat digunakan untuk memberikan maklumat atau panduan tambahan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) terhadap ujian-ujian yang dijalankan kepada kanak-kanak disleksia. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak disleksia ini berbeza dengan kanak-kanak normal dari segi pencapaian dan sukan pelajaran. Dengan adanya maklumat ini, ia dapat membantu peningkatan yang secara berterusan selaras dengan keperluan yang penting untuk mereka.

### 3 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif yang mengaplikasikan Kaedah *Fuzzy Delphi* untuk mendapatkan hasil pakar terhadap keperluan dalam pembinaan dan pembangunan Model Ikabu Magnetis Ke Atas Murid Disleksia Sekolah Rendah Bagi Pengajaran Bahasa Melayu.

#### ***Populasi dan Sampel Kajian***

Dalam kajian rintis ini, populasi yang dipilih merupakan murid berkeperluan khas dalam masalah pembelajaran di tiga buah sekolah kebangsaan Daerah Muallim, Perak yang menjalankan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Sasaran populasi adalah murid berkeperluan khas masalah pembelajaran dari segi masalah disleksia dari sekolah kebangsaan harian yang boleh diakses. Bagi pemilihan sekolah, penyelidik menggunakan kaedah pemilihan secara rawak. Tiga buah sekolah tersebut disenaraikan mengikut data pendidikan khas kanak-kanak yang mempunyai masalah disleksia.

Teknik pensampelan kajian ini dicirikan oleh strategi pensampelan rawak. Jenis pensampelan rawak yang digunakan ialah pensampelan rawak mudah. Penyelidik memilih sebuah kelas daripada beberapa buah kelas yang sedia ada menggunakan kaedah cabut undi. Kelas yang dipilih telah disenaraikan dan dinomborkan. Pemilihan cabut undi dilakukan mengikut pilihan nombor kelas yang telah dicabut oleh penyelidik.

#### ***Instrumen Kajian***

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan terdiri daripada Borang Soal Selidik yang telah disediakan oleh penyelidik kepada responden yang dipilih dari tiga buah sekolah di sekitar Muallim. Kajian menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang terdiri bahagian A yang mengandungi maklumat pencapaian responden (murid) manakala borang portfolio terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah mengandungi maklumat profil responden (murid) manakala Bahagian B mengandungi maklumat responden (murid) berdasarkan segi fizikal, tingkah laku, dan latar belakang keluarga.

#### ***Kaedah Analisis Data***

Kajian ini adalah kajian pembangunan model yang mengaplikasikan kaedah Kajian Rekabentuk dan Pembangunan ataupun dalam bahasa Inggeris adalah *Design and Developmental Research* (DDR) oleh Richey dan Klein (2007). Kaedah DDR ini meliputi 3

peringkat iaitu analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan serta menilai. Di samping itu, dengan adanya metodologi kajian, ia dapat menjadikan kajian tersebut lebih tersusun dan bersistematis dalam mencapai sesuatu objektif kajian.

Fasa analisis keperluan model ini meliputi lima aspek iaitu tujuan, sampel kajian, instrumen yang diguna pakai, prosedur yang dijalankan serta proses menganalisis data yang digunakan. Fasa menganalisis model merupakan peringkat pertama dalam kajian pembinaan model dari aspek maklumat dalam konteks dan keadaan sekitar yang ingin dikaji akan dikumpul (Saedah, Norlidah, Dorothy & Zaharah, 2013). Kajian menganalisis keperluan model perlulah dilaksanakan sebelum model dibina bagi mengetahui masalah yang timbul dalam fenomena yang ingin dijalankan kajian. Fasa mereka bentuk dan membina model membabitkan pendapat pakar tentang draf model aktiviti pembelajaran yang akan dimuatnaik sebagai dasar kepada pembinaan model. Tujuan utama peringkat ini wujud adalah bagi mengumpulkan pakar-pakar daripada bidang yang mempunyai kaitan dengan kajian untuk kemukakan pendapat mereka mengenai model yang dibangunkan. Pendapat dan kata sepakat daripada pakar-pakar akan digunakan untuk menentukan aktiviti yang sesuai bagi melihat keberkesanan model IKaBu magnetis dalam membina penaakulan tatabahasa murid-murid disleksia.

Fasa terakhir ini dikenali sebagai peringkat menilai kebolehgunaan model. Model yang sudah siap dibangunkan akan diuji dan penilaian kebolehgunaan model akan dilakukan dalam melihat keberkesanan model IKaBu magnetis dalam membina penaakulan tatabahasa murid-murid disleksia kemudian akan dijadikan rujukan kepada guru jika lau pakar setuju dengan hasil yang akan diperoleh. Pada peringkat ini, pengkaji menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi* untuk nilai kebolehgunaan model. Peringkat ini mempunyai tujuan iaitu menilai keberkesanan model IKaBu magnetis dalam membina penaakulan tatabahasa murid-murid disleksia yang sudah siap dibangunkan.

Dapatan kajian yang diperoleh dari peringkat ini akan menjawab samaada keberkesanan model IKaBu magnetis dalam membina penaakulan tatabahasa murid-murid disleksia yang dibangunkan bersesuaian ataupun tidak untuk diaplikasikan berlandaskan kepada pandangan pakar. Proses menganalisis data dapat dilihat dalam rajah di bawah;

**Jadual 1:** Kaedah Analisis Data Kajian

<b>Fasa</b>	<b>Persoalan Kajian</b>	<b>Kaedah</b>
Fasa 1: Analisis keperluan	Apakah keperluan pembangunan model integrasi IKaBu magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Temubual Berstruktur, Separa Berstruktur dan tidak berstruktur (bersama guru)</li> <li>• Soal Selidik &amp; Borang Portfolio (bersama guru)</li> </ul>
Fasa 2: Reka bentuk dan Pembangunan Model	Apakah reka bentuk dan pembangunan model integrasi IKaBu magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian</li> <li>• Temubual</li> </ul>
Fasa 3: Penilaian Kebolehgunaan Model	Sejauh manakah keberkesanan penggunaan model integrasi IKaBu magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu?	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemerhatian (guru &amp; murid)</li> <li>• Temubual</li> <li>• Analisis Model</li> <li>• Menulis laporan data</li> </ul>

### 3 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

**Fasa 1:** Keperluan pembangunan model integrasi IKaBu magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu

Dalam fasa satu, dapatan yang diperolehi adalah panduan tersebut hanyalah secara tidak umum dan tidak memfokuskan penggunaannya kepada guru aliran biasa atau guru bukan pendidikan khas semata-mata. Dalam sesi temubual yang dilakukan, kebanyakan murid yang menghadapi masalah disleksia tidaklah sepenuhnya berada di dalam kelas khas namun mereka akan berada di kelas aliran biasa semasa sesi matapelajaran yang lain sedang berlangsung. Oleh itu, satu analisis keperluan menggunakan kaedah menganalisis data kajian (borang soal selidik dan borang portfolio) serta menjalankan protokol temu bual telah dilakukan bagi mengenal pasti keperluan pembangunan model pengajaran ini kepada guru. Sebelum memulakan perbincangan pakar, penyelidik telah melakukan temu bual bersama tiga orang pakar yang terpilih dan berpengalaman lama dalam bidang yang berkaitan. Temu bual ini dijalankan untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat tentang pandangan guru terhadap model pengajaran atau bahan bantu mengajar kanak-kanak disleksia yang diperolehi dari kajian-kajian lepas. Temu bual ini juga untuk melihat sejauh mana kesesuaian model ini berkesan terhadap pengajaran kanak-kanak disleksia. Melalui temu bual ini, guru tersebut berhak untuk memberikan pandangan, menambah atau mengugurkan apa-apa maklumat yang telah dibuat. Temu bual ini melibatkan tiga orang guru yang dipilih dari tiga buah sekolah sekitar Muallim.

**Fasa 2:** Reka bentuk dan pembangunan model integrasi IKaBu magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu

Kajian ini adalah merupakan hasil yang diperolehi daripada kajian-kajian yang terdahulu yang bersesuaian dengan pembangunan bahan bantu mengajar guru untuk kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya dalam masalah disleksia. Reka bentuk model Ikabu adalah berdasarkan pengajaran Bahasa Melayu untuk kanak-kanak disleksia. Sebagai contoh, model tersebut dihasilkan berdasarkan gabungan dari imej, kata dan bunyi. Di samping itu, ketika sesi pemerhatian dijalankan bersama responden dengan menggunakan model pengajaran yang sedang dibangunkan tersebut, pakar yang dipilih akan memberikan pandangan, menyuarakan idea dan membuat keputusan samada ingin mengekalkan atau mengugurkan apa yang terdapat di dalam model tersebut yang tidak sesuai dengan kehendak persoalan kajian. Hal ini disebabkan pendapat dari pakar sangat diperlukan kerana berdasarkan hasil daripada kajian terdahulu adalah masih lagi tidak cukup untuk melihat sejauh manakah keperluan pembangunan pengajaran terutamanya model pengajaran kepada guru khususnya guru pendidikan khas.

**Fasa 3:** Penilaian keberkesanannya penggunaan model IKaBu magnetis bagi murid disleksia sekolah rendah dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Penilaian yang dilakukan dalam kajian ini menggunakan kaedah fuzzy Delphi. Dalam fasa penilaian, ia melibatkan beberapa orang pakar yang terdiri daripada pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan bidang pengukuran, pegawai bahagian pembangunan kurikulum dan juga pendidik dari sekolah yang terpilih. Selepas perbincangan antara pakar berlaku, satu set borang soal selidik dibentuk akan diagihkan bagi mengetahui nilai tahap kesepakatan semua pakar yang terlibat. Selain itu, borang soal selidik diagihkan kepada semua pakar dan setiap pakar memberikan keputusan yang telah dibentuk mengikut tahap persetujuan masing-masing. Setelah itu, borang soal selidik dikumpulkan dan dianalisis menggunakan Microsoft Excel oleh penyelidik.

## 4 KESIMPULAN

Seperti yang diketahui, panduan kepada guru pendidikan khas di sekolah telah wujud tetapi panduan tersebut hanyalah terhad dan masih lagi memiliki kelemahan untuk digunakan mengajar kanak-kanak disleksia terutamanya dalam proses pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah. Antara aspek penting perlu diberi perhatian sebelum melakukan pengajaran menggunakan model yang telah dibangunkan sebagai panduan adalah memastikan murid tersebut sentiasa bersedia dan memberikan perhatian yang cukup terhadap pengetahuan sedia ada pada murid semasa proses pengajaran tersebut berlaku. Ini kerana melalui hasil pemerhatian terus yang dilakukan terhadap murid, maklumat tersebut boleh digunakan untuk menambah baik panduan pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang terutamanya bidang berkeperluan khas. Kajian ini merupakan sebuah kajian pembangunan model ikabu magnetis untuk panduan pembelajaran murid yang menghadapi masalah disleksia terutamanya dalam pengajaran Bahasa Melayu terhadap murid sekolah rendah. Model ini dibina adalah berdasarkan kepada keperluan yang dilihat sangat penting kepada guru pendidikan khas terutamanya untuk kegunaan masa hadapan.

## 5 APLIKASI PRAKTIKAL

Model ikabu magnetis yang dikembangkan dalam penelitian ini berguna bagi praktisi guru sekolah luar biasa untuk menjadi sarana penambah baik yang menjadi panduan untuk pembelajaran murid disleksia.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Busri & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2021). Strategi Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dalam Menangani Masalah Bacaan Dalam Kalangan Murid Disleksia di Sekolah Rendah Pedalaman Sarawak. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Adam, M. (1990). Beginning to read: Thinking and learning about print. Cambridge, MA: MIT Press.
- Ahmad, M. T., Razalli, A. R., & Shaffeei, K. (2023). Tinjauan analisis keperluan modul pengajaran kemahiran membaca dalam kalangan guru pemulihian khas. Jurnal Pendidikan Bitara UPSI, 16, 92-104. Aida Mohd Isa. (2016). Penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham Dalam Pembelajaran Sejarah. Jurnal Pendidikan dan Pendidikan 20,21-41.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamood. (2019). Penggunaan Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Melayu Menggunakan Pendekatan Pembelajaran Berpusatkan Pelajar. International Journal of Education, Psychology & Counseling. Volume:4 issue. (Pg 78-94). eISSN:0128-164X.
- Han, Y. (2021). Hubungan Antara Faktor Demografi Dengan Pengetahuan Mengenai Disleksia Dalam Kalangan Guru Program Pendidikan Inklusif Di Sekolah Rendah.
- Haraza Malek. (2001). Strategi pengajaran yang boleh digunakan oleh guru khas untuk mengatasi masalah membaca di kalangan kanak-kanak disleksia. Universiti Kebangsaan Malaysia: Selangor. Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, Buletin Pendidikan Khas. Kuala Lumpur: Pusat Bandar Damansara.
- Johnson, D. J. & Myklebust, H. R. (1967). Learning disabilities educational principal and practices. New York, NY: Grune & Stratton, Inc.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). Garis panduan pengoperasian program rintis bermasalah pembelajaran spesifik disleksia. Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Buku Panduan Pengoperasian Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Data Murid Berkeperluan Khas di Malaysia, Bahagian Pendidikan Khas

- Khayati Rafie. (2007). Tinjauan ciri-ciri disleksia dalam kalangan kanak-kanak KIA2M. (Disertasi yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia:Selangor, Malaysia.
- Nur Farhana. (2014). Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid-Murid Disleksia: Kajian Kes di Sebuah Pusat Disleksia.
- Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abd. Wahid, & Salinah Ja'afar. (2017). Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas: Pembinaan Bahan Bantu Mengajar. Akademi Pengajian Melayu: Universiti Malaya.
- Piaget, J. (1951). The psychology of intelligence. London: Routledge & Kegan Paul.
- Sharifah Nawirah. (2016). Model Pemulihan Disleksia Davis dalam Pembelajaran Kanak-Kanak Disleksia. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suzita binti Samsudin & Aliza binti Alias. (2021). Pengetahuan Terhadap Disleksia dalam Kalangan Ibu Bapa di sebuah Sekolah Rendah (Primary School Parents Knowledge on Dyslexia). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan Pendekatan Konstruktivisme dan Pendekatan Tradisional Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM Vol.2, Bil.2, 12-21.
- Ummi Hani Mohamed Zaid. (2008). Masalah ejaan dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran spesifik disleksia. Universiti Putra Malaysia: Selangor, Malaysia.